

**PERUBAHAN POLA PEMILIKAN TANAH DAN
KESANNYA TERHADAP MASYARAKAT LUAR
BANDAR DI KABUPATEN BLITAR, INDONESIA**

MOH. AZIS ARISUDI

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2012**

**PERUBAHAN POLA PEMILIKAN TANAH DAN
KESANNYA TERHADAP MASYARAKAT LUAR
BANDAR DI KABUPATEN BLITAR, INDONESIA**

Oleh

MOH. AZIS ARISUDI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

January 2012

PENGHARGAAN

Dengan memanjatkan puji dan syukur kehadirat Allah, Tuhan Yang Maha Kuasa, atas segala hidayah dan kurniaNya sehingga penyelidik dapat menyelesaikan tesis ini. Tesis ini disusun sebagai syarat penyelesaian program doktor di Program Perancangan dan Pengurusan Pembangunan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia. Penyelidik mahu mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih yang ikhlas kepada ibunda Hajah Siti Uminah (Alm.) yang senantiasa berdo'a bagi kejayaan ananda dan ayahanda Haji Heru Suharmanto Yusuf (Alm.) yang telah memberi dorongan agar selalu menuntut ilmu pengetahuan

Proses penyelesaian tesis ini tentunya tidaklah terlepas daripada bantuan dan sokongan pelbagai pihak sama ada secara persendirian mahupun institusi. Oleh yang demikian, perkenankanlah penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan hormat serta terima kasih kepada Dr. Salfarina Abdul Gapor, selaku penyelia utama. Beliau telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan saranan-saranan untuk kesempurnaan kajian ini. Penyelidik yakin bahawa tanpa bantuannya sukar bagi penyelidik untuk menyiapkan tesis ini. Seterusnya, juga kepada Dr. Nor Malina Malek selaku penyelia bersama. Beliau telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan sarana-saranan untuk penyelesaian tesis ini.

Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada Naib Canselor dan para Timbalan Naib Canselor, Dekan dan Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Dekan dan Timbalan Dekan Institut Pengajian Siswazah serta para pensyarah yang telah memberikan arahan dan tunjuk ajar selama penyelidik mengikuti pengajian tinggi diperingkat Doktor Falsafah, dan para kakitangan

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan bantuan untuk menyelesaikan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga penyelidik rakamkan kepada Rektor dan Timbalan Rektor Universiti Brawijaya Malang, Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi Universiti Brawijaya Malang yang telah memberikan sokongan, kemudahan guna melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.

Penyelidik juga ucapkan terima kasih kepada kepada para pengutip data Anis, Riyanto, A'an atas segala bantuannya. Secara khusus, kepada isteri tercinta Syahrul Aini, dan anak-anak tersayang Raehan, Farhan, Rosihan dan Jihan (RAFAROSJI) yang sentiasa sabar dan tabah selama penulis mengikuti pengajian.

Tidak terlupakan ucapan terima kasih dihantarkan kepada kawan-kawanku seperjuangan: Pak Naryo, Pak Azrin, Encik Novel, Mas Yusuf, Pak Badrun serta kawan-kawanku di Vila Srikenanga 6-6-2: Pak Zainul, Pak Ali, Mas Puji, Mas Fuad, Mara Samin, Abdul Azis, Pak Ananto dan La Hamimu yang telah banyak memberikan sokongan semangat untuk segera menamatkan pengajian saya. Akhirnya, semoga amal dan budi baik yang diberikan oleh semua pihak akan mendapat imbalan yang sepadan dan sesuai daripada Allah dan semoga tesis ini bermanfaat bagi kehidupan dan perkembangan ilmu pengetahuan.

Pulau Pinang, 2012

Moh. Azis Arisudi

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xviii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Sistem Pemilikan Tanah di Indonesia	3
1.3 Kepentingan Tanah Dalam Sektor Pertanian	8
1.4 Arah Perubahan Pemilikan Tanah di Indonesia	9
1.4.1 Luas Tanah Perkapita Menurun	10
1.4.2 Pengagihan Pemilikan Tanah yang Tidak Seimbang	11
1.5 Perubahan Pola Pemilikan Tanah	12
1.5.1 Perubahan Pola Pemilikan Tanah dan Kesannya Terhadap Sosio ekonomi	12
1.5.2 Perubahan Pola Pemilikan Tanah dan Kesannya Terhadap Sosio budaya	16
1.5.3 Perubahan Pola Pemilikan Tanah dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar	17
1.6 Permasalahan Kajian	18
1.7 Objektif Kajian	21
1.8 Persoalan Kajian	21
1.9 Organisasi Tesis	22

BAB 2 SOROTAN KARYA	23
2.1 Pengenalan	23
2.2 Kritikan Terhadap Pembangunan Kapitalisme	27
2.3 Konsep Pembangunan Alternatif	38
2.3.1 Konsep Pembangunan Alternatif Pendekatan Penghidupan Lestari (<i>Sustainable Livelihood</i>)	43
2.3.2 Strategi atau Langkah Penyesuaian (<i>Coping Strategies</i>) dan Strategi Adaptasi (<i>Adaptive Strategies</i>)	60
2.4 Kerangka Teoritis	68
2.5 Kajian Lepas Tentang Pemilikan Tanah	70
2.6 Rumusan	74
BAB 3 PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI INDONESIA DAN LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN	76
3.1 Pengenalan	76
3.1.1 Fasa Pertama Pembangunan di Indonesia (1945-1969)	76
3.1.2 Fasa Kedua: Modenisme dan Industrialisme (1970-1996)	80
3.7.3 Fasa Ketiga: Populisme dan Demokratisme (1997-sekarang)	82
3.2 Latar Belakang Kawasan Kajian	85
3.3 Sistem Pemilikan Tanah di Kabupaten Blitar	92
3.4 Dasar Tanah di Indonesia	93
3.5 Perolehan (<i>acquisition</i>) Hak Pemilikan Tanah	95
3.6 Hak dan Kewajipan Pemilik Tanah	96
3.7 Bentuk Pemilikan Tanah di Kabupaten Blitar	97
3.8 Rumusan	98
BAB 4 KAEDAH PENYELIDIKAN	100
4.1 Pengenalan	100
4.2 Jenis data	100
4.3 Pendekatan Penyelidikan	101
4.4 Skop Kawasan Penyelidikan	101
4.5 Definisi Operasional	102
4.5.1 Definisi Operasional Sosio Ekonomi	102
4.5.2 Definisi Operasional Sosio Budaya	102

4.5.3	Definisi Operasional Kemusnahan Alam Sekitar	103
4.6	Persampelan	103
4.6.1	Persampelan Untuk Kaedah Kualitatif	103
4.6.2	Persampelan Untuk Kaedah Kuantitatif	107
4.7	Instrumen Utama Untuk Mendapatkan Data	109
4.7.1	Temubual Mendalam dan <i>Focus Group Discussion</i> (FGD)	109
4.7.2	Soal Selidik	110
4.8	Kerja Lapangan	111
4.8.1	Pengumpulan Data Kualitatif	111
4.8.2	Pengumpulan Data Kuantitatif	112
4.9	Pengukuran Pembolehubah	113
4.10	Analisis Data	113
4.10.1	Analisis Data Kualitatif	113
4.10.2	Analisis Data Kuantitatif	116
4.10.2.1	Uji Kebolehpercayaan (<i>Reliability Test</i>)	117
4.10.2.2	Uji Kesahihan (<i>Validity Test</i>)	118
4.10.2.3	Uji Normal	118
4.10.2.4	<i>Structural Equation Model</i> (SEM) Sebagai Uji Kesesuaian dan Model Statistik	119
4.11	Pembolehubah, Petanda dan Item Dalam Penyelidikan	124
4.12	Kajian Lapangan	127
4.13	Rumusan	129

BAB 5 PERUBAHAN POLA PEMILIKAN TANAH DI KABUPATEN

	BLITAR, INDONESIA	130
5.1	Pengenalan	130
5.2	Profil dan Latar Belakang Responden	130
5.3	Profil Sosio Ekonomi Masyarakat di Lokasi Penyelidikan	132
5.4	Perubahan Pola Pemilikan Tanah dan Kesannya Terhadap Sosio Ekonomi (X1)	141
5.5	Perubahan Pola Pemilikan Tanah dan Kesannya Terhadap Sosio Budaya (X2)	143

5.6 Perubahan Pola Pemilikan Tanah dan Kesannya Terhadap Kemusnahan Alam Sekitar (X3)	144 147
5.7 Model Persamaan Struktural	148
5.6.1 Uji Kebolehpercayaan dan Kesahihan	150
5.6.2 Uji Beza Jawapan Reponden Daripada Kluster yang Berbeza	152
5.6.3 Hasil Pengujian Model Persamaan Struktural (<i>Structural Equation Model</i>)	159
5.6.4 Pengujian Hipotesis	162
5.8 Rumusan	
BAB 6. PERUBAHAN POLA PEMILIKAN TANAH DAN KESANNYA TERHADAP SOSIO EKONOMI, SOSIO BUDAYA DAN ALAM SEKITAR	164 164
6.1 Pengenalan	164
6.2 Kesan Terhadap Sosio Ekonomi	173
6.3 Kesan Terhadap Sosio Budaya	184
6.4 Kesan Terhadap Alam Sekitar	191
6.5 Rumusan	
BAB 7. FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN PERUBAHAN PEMILIKAN TANAH	193 193
7.1 Pengenalan	
7.2 Faktor-Faktor yang Menyebabkan Perubahan Pola Pemilikan Tanah	194
7.3 Faktor-Faktor yang Menyebabkan Ketidaksamarataan Agihan Pemilikan Tanah	210
7.4 Akses Masyarakat Luar Bandar Terhadap Sumber Tanah dan Kredit	213 219
7.5 Rumusan	
BAB 8. STRATEGI UNTUK Mencari Pendapatan Tambahan OLEH MASYARAKAT LUAR BANDAR	220 220

8.1	Pengenalan	221
8.2	Pendapatan Tambahan Masyarakat Luar Bandar	
8.2.1	Pendapatan Tambahan Daripada Sektor Perniagaan Formal	223
8.2.2	Pendapatan Tambahan Daripada Sektor Perniagaan Tidak Formal	228 238
8.2.3	Pendapatan Tambahan Daripada Sektor Pertanian	243
8.2.4	Pendapatan Tambahan Daripada Sektor Perkhidmatan	250
8.2.5	Pendapatan Tambahan Daripada Penggajian	
8.3	Langkah Penyesuaian Masyarakat Luar Bandar Kabupaten Blitar Untuk Meningkatkan Pendapatan dan Memiliki Tanah	253 258
8.4	Rumusan	259
BAB 9. KESIMPULAN DAN CADANGAN		259
9.1.	Dapatan Utama Kajian	267
9.2.	Cadangan Penyelesaian Masalah	273
9.3.	Cadangan Kajian Lanjut	275
RUJUKAN		287
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

1.1	Penyerapan Tenaga Kerja Mengikut Sektor di Indonesia, (1990-2008)	1
1.2	Jumlah Penduduk Indonesia, 1971 – 2005	2
1.3	Pengagihan Pemilikan Tanah Keluarga Petani, 2008	2
1.4	Bilangan Penduduk Miskin, Kadar Pengangguran dan Pendapatan Per Kapita di Indonesia, 2002 – 2008	13
1.5	Bilangan Tenaga Kerja di Bandar Dan di Luar Bandar di Indonesia 2000 – 2008	14
1.6	Bilangan Tenaga Kerja Indonesia yang Bekerja di Luar Negara, 2008	15
1.7	Jumlah Penduduk yang Tidak Mempunyai Pendapatan Tetap Mengikut Sektor Pekerjaan, (2000-2008) Dalam Peratus	16
2.1	Beberapa Perbezaan Antara Konsep Pembangunan Lazim Dengan Pembangunan Alternatif	40
2.2	Strategi-Strategi Untuk Menghadapi Pelbagai Tekanan dan Kejutan Akibat Bencana Alam, Krisis Ekonomi dan Goncangan Lainnya	66
3.1	Perbezaan Pendekatan Pembangunan Era Lama Dengan Era Reformasi	83
3.2	Penggunaan Tanah di Kabupaten Blitar, 2008	87
3.3	Keluaran Dalaman Negeri Kasar (KDNK) Kabupaten Blitar, 2008	89
3.4	Perkembangan Jumlah Penduduk di Kabupaten Blitar, 2005 -2008	90
3.5	Perkembangan Jumlah Pencari Kerja di Kabupaten Blitar, 2005-2008	91
3.6	Jumlah Masyarakat Miskin Di Kabupaten Blitar, 2002-2008	91
4.1	Persampelan Kualitatif; Temubual Mendalam	105
4.2	Persampelan Kualitatif; Perbincangan Berkumpulan Berfokus atau <i>Focus Group Discussion (FGD)</i>	106

4.3	Petanda yang Digunakan Untuk Setiap Pembolehubah	111
4.4	<i>Latent (Construct) Variable</i> dan Petanda (<i>Indicators</i>) Dalam Penyelidikan	124
4.5	Kadar Maklum Balas Responden	128
5.1	Profil Demografi Responden Mengikut Umur, Jantina dan Status Perkahwinan	130
5.2	Profil Demografi Responden Mengikut Bilangan Isi Rumah, Tahap Pendidikan dan Status Pemilikan Rumah	131
5.3	Hasil Uji <i>Chi Square</i> Luas Pemilikan Tanah Dengan Pendapatan	134
5.4	Hasil Uji <i>Chi Square</i> Tahap Pendidikan Dengan Pendapatan	136
5.5	Hasil Uji <i>Chi Square</i> Bilangan Isi Rumah Dengan Pendapatan	137
5.6	Pengagihan Pemilikan Tanah di Luar Bandar Kabupaten Blitar	138
5.7	Perolehan Tanah Masyarakat Luar Bandar di Kabupaten Blitar	138
5.8	Deskripsi Pembolehubah Laten Sosio Ekonomi (X1)	142
5.9	Deskripsi Pembolehubah Laten Sosio Budaya (X2)	143
5.10	Deskripsi Pembolehubah Laten Kemusnahan Alam Sekitar (X3)	145
5.11	Implikasi Pemilikan Tanah Terhadap Sosio Ekonomi, Sosio Budaya dan Alam Sekitar	146
5.12	Ringkasan Uji Kebolehpercayaan dan Kesahihan Untuk Pembolehubah yang Berbentuk Skala Likert Sahaja	149
5.13	Hasil Pengujian <i>Outer Loading</i> Indikator Pembolehubah Sosio-Ekonomi, Sosio Budaya, Alam Sekitar dan Perubahan Pemilikan Tanah	153
5.14	Hasil Pengujian <i>Outer Loading</i> Indikator Pembolehubah Sosio-Ekonomi, Sosio Budaya, Alam Sekitar dan Perubahan Pemilikan Tanah (Setelah Mengeluarkan Indikator X4.2 Daripada Proses Pengujian)	155
5.15	Hasil Pengujian Koefisien Regresi dan t-Statistik Model Persamaan Struktural	156
5.16	Nilai <i>Loading</i> Dan Signifikansi Model Persamaan Struktural	159

SENARAI RAJAH

1.1	Jumlah Keluarga Petani yang Memiliki Tanah Kurang Daripada 0.5 Hektar (1995, 2005, 2008)	10
2.1	Kerangka Penghidupan Lestari (<i>Sustainable Livelihoods Framework</i>)	52
2.2	Kerangka Teoritis	68
3.1	Perubahan Sosio Ekonomi, Sosio Budaya, Demografi, Agraria Akibat strategi Pembangunan Pendekatan Modernisasi dan Semasa Rejim Orde Baru di Indonesia	75
3.2	Peta Indonesia	85
3.3	Peta Propinsi Jawa Timur	86
3.4	Lokasi Kajian: Kabupaten Blitar	86
3.5	Keluk Lorenz Pengagihan Pemilikan Tanah di Kabupaten Blitar, Tahun 2008	88
3.6	Peringkat Badan Pertanahan Nasional di Indonesia	94
4.1	Pembahagian Wilayah Luar Bandar Berdasarkan Jarak Dengan Bandar	104
4.2	Pembahagian Wilayah Kampung/Desa di Luar Bandar dan Jumlah Masing-Masing Responden	108
4.3	Alur Analisis Data	115
4.4	Diagram Jalur Pengaruh Sistem Pemilikan Tanah (Penurunan Luas Tanah) Terhadap Masyarakat Luar Bandar Daripada Aspek Sosio Ekonomi, Sosio Budaya dan Alam Sekitar	120
4.5	Diagram Model Teoritis	122
5.1	Model Persamaan Struktural Pengaruh Perubahan Pemilikan Tanah Terhadap Sosio-Ekonomi, Sosio-Budaya dan Alam Sekitar Masyarakat Luar Bandar di Kabupaten Blitar, Indonesia	153
5.2	Model Persamaan Struktural (Setelah Mengeluarkan Indikator X4.2 Daripada Proses Pengujian)	155

6.1	Implikasi Perubahan Pola Pemilikan Tanah Terhadap Sosio Budaya	175
6.2	Perubahan Nilai Materialisme di Kawasan Luar Bandar	178
6.3	Perubahan Gaya Hidup di Kawasan Luar Bandar	182
6.4	Implikasi Penurunan Pemilikan Tanah Terhadap Kemusnahan Alam Sekitar	190
7.1	Faktor-Faktor yang Menyebabkan Terjadinya Perubahan Pemilikan Tanah.	194
7.2	Urutan Status Hukum Bukti Formal Pemilikan Tanah di Indonesia	204
7.3	Akses atau Pemilikan Sumber Tanah di Kawasan Luar Bandar Kabupaten Blitar	214
7.4	Hubungan Akses Kredit Masyarakat di Kawasan Luar Bandar Dengan Pemilikan Tanah dan Aset Lainnya	216
8.1	Strategi Masyarakat di Kawasan Luar Bandar Untuk Memperkasakan dan Membangun Kehidupan Mereka Menjadi Lebih Baik	221
8.2	Sumber Pendapatan Tambahan Masyarakat Luar Bandar	222
8.3	Langkah Penyesuaian dan Kesannya Terhadap Pemilikan Tanah	254
8.4	Langkah Penyesuaian Masyarakat Luar Bandar di Kabupaten Blitar Untuk Meningkatkan Pendapatan	256

SENARAI GAMBAR

5.1	Mata Pencarian Penduduk Kawasan Luar Bandar Kabupaten Blitar Daripada Sektor Pertanian	133
5.2	Orang Miskin di Kawasan Luar Bandar Yang Tidak Memiliki Tanah	139
6.1	Profil Rumah di Kawasan Luar Bandar	172
6.2	Profil Rumah di Kawasan yang Berhampiran Dengan Bandar	172
6.3	Sebahagian Kawasan Hutan Telah Berubah Menjadi Kawasan Pertanian	185
8.1	Membaiki Motosikal	225
8.2	Kedai Runcit	226
8.3	Pemulung (Mengutip Sampah Untuk Dikitar Ulang)	230
8.4	Tukang <i>Ojek</i>	231
8.5	Seorang Perempuan Sedang Menjual Sayur dan Barangan Lainnya Dengan Menggunakan Motosikal (<i>Ngetek</i>)	232
8.6	Gerai Makan Kaki Lima	234
8.7	Membuat Batu Bata Untuk Dijual	236
8.8	Seorang Perempuan Sedang Mengumpulkan Sisa Panen Padi di Sawah atau <i>Ngasak</i>	240
8.9	Mengamen Secara Berkumpulan	245
8.10	Perkhidmatan Memutihkan Beras (<i>Ledok</i>)	248
8.11	Khidmat Menggergaji Kayu (<i>serkel</i>)	249
8.12	Pekerja-Pekerja Indonesia yang Hendak Berangkat Kerja ke Malaysia	251

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	1	Borang Soal Selidik	287
LAMPIRAN	2	Borang Temu Bual Mendalam	302
LAMPIRAN	3	Panduan <i>Focus Group Discussion (FGD)</i>	311
LAMPIRAN	4	Uji Kebolehpercayaan dan Kesahihan	312
LAMPIRAN	5	Deskriptif Statistik	317
LAMPIRAN	6	Hasil Uji Beza Mean <i>Sample T Test</i> Antara Jawapan Sampel Kluster Satu Dengan Kluster Dua	320
LAMPIRAN	7	Hasil Uji Beza Mean <i>Sample T Test</i> Antara Jawapan Sampel Kluster Satu Dengan Kluster Tiga	322
LAMPIRAN	8	Hasil Uji Beza Mean <i>Sample T Test</i> Antara Jawapan Sampel Kluster Dua Dengan Jawapan Kluster Tiga	324
LAMPIRAN	9	<i>Crosstab</i> Luas Pemilikan Tanah * Pendapatan	326
LAMPIRAN	10	<i>Chi square</i> Pendapatan * Pendidikan Ketua Keluarga	327
LAMPIRAN	11	<i>Chi Square</i> Pendapatan dan Bilangan Isi Rumah	328

PERUBAHAN POLA PEMILIKAN TANAH DAN KESANNYA TERHADAP MASYARAKAT LUAR BANDAR DI KABUPATEN BLITAR, INDONESIA

ABSTRAK

Indonesia merupakan negara yang majoriti masyarakatnya bekerja di sektor pertanian. Oleh itu pemilikan tanah merupakan sumber yang penting dalam kehidupan masyarakatnya. Kini luas tanah per kapita penduduk cenderung menurun. Perubahan pemilikan tanah ini memberi implikasi terhadap pelbagai permasalahan, seperti permasalahan sosio ekonomi, sosio budaya dan alam sekitar

Kajian ini mempunyai empat objektif, iaitu: pertama, untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya perubahan pola pemilikan tanah. Kedua, kajian ini menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan ketidaksamarataan agihan pemilikan tanah. Ketiga, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis kesan ketidaksamarataan pemilikan tanah terhadap sosio ekonomi, sosio budaya dan alam sekitar masyarakat luar bandar. Objektif keempat kajian ini ialah mengkaji usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat terbabit dalam menghadapi masalah kekurangan tanah.

Penyelidikan ini dijalankan di Kabupaten Blitar, Indonesia. Jenis data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah data primer dan sekunder. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah melalui temubual mendalam dan perbincangan dalam kumpulan secara fokus. Manakala kaedah kuantitatif yang digunakan adalah melalui tinjauan isi rumah. Pemilihan sampel untuk kaedah kualitatif menggunakan persampelan kuota, manakala untuk kaedah kuantitatif pula menggunakan persampelan rawak berstratifikasi iaitu berdasarkan jarak kampung dari pusat bandar.

Penemuan daripada penyelidikan ini antara lain adalah luas pemilikan tanah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendapatan masyarakat berkenaan. Berdasarkan hasil ujian SEM didapati bahawa perubahan pola pemilikan tanah mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap aspek sosio ekonomi, sosio budaya dan kemusnahan alam sekitar.

Tiga faktor utama yang menyebabkan perubahan pola pemilikan tanah adalah faktor ekonomi, faktor sosial budaya dan faktor pentadbiran. Manakala faktor yang menyebabkan ketidaksamarataan agihan pemilikan tanah adalah perbezaan akses antara masyarakat di kawasan luar bandar terhadap modal dan teknologi, faktor warisan dan perbezaan kemampuan melakukan usaha tani. Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh masyarakat luar bandar untuk mengekalkan hak pemilikan tanahnya adalah mengekalkan budaya “malu” untuk menjual tanah, meningkatkan infrastruktur dan pembangunan di sektor pertanian serta menggalakkan perniagaan tani (agribisnes) di kawasan luar bandar.

Akses pemilikan sumber daya tanah dapat diperolehi melalui warisan, membeli, sewa, perkongsian hasil (*profit sharing*), tanah *hibah* dan mendapat tanah *bengkok*. Akses kredit diperolehi daripada pinjaman keluarga, pinjaman jiran dan rakan, *arisan*, koperasi dan perkhidmatan mikro kredit (Lembaga Keuangan Desa, Bank Rakyat Indonesia unit desa, Bank Perkreditan Rakyat).

Ramainya masyarakat luar bandar yang tidak memiliki tanah menyebabkan mereka melakukan langkah penyesuaian baik di sektor pertanian mahupun di luar sektor pertanian. Pekerjaan di luar sektor pertanian ini awalnya merupakan pekerjaan sampingan. Namun pada akhirnya pekerjaan sampingan ini berubah menjadi pekerjaan utama kerana memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan keluarga. Beberapa langkah penyesuaian yang dilakukan antara lain:

Pertama, mencari pendapatan tambahan di luar sektor pertanian yang memberikan pendapatan dengan segera. Kedua, memaksimumkan keterlibatan ahli keluarga untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Ketiga, membina sistem simpanan aset. Keempat, melakukan penjimatan dan pengurusan kos sara hidup dengan lebih baik. Kelima, membina jaringan sosial baru dan mengekalkan jaringan sosial masyarakat yang sedia ada.

THE CHANGING OF LAND OWNERSHIP PATTERN AND IT'S IMPLICATION UPON THE RURAL SOCIETY IN BLITAR DISTRICT, INDONESIA

ABSTRACT

Majority of the Indonesian depend on the agricultural sector. Hence, land ownership is important to their overall sustenance and returns on investment. In recent times, land per-capita of the people is decreasing. Changes in land ownership have magnitude of implications, such as from the socio-economic, socio-cultural and environmental dimensions.

The objectives of this research are: first, to identify and analyze the factors that causes the occurrence of a change of ownership of land. Second, to analyze the factors that contributes to inequality in land ownership distribution. Third, to analyze the impacts of land ownership distribution to the socio-economic livelihood, socio-cultural and environmental degradation. Fourth, to review the coping strategies of the rural community who have limited of land.

This research is conducted in the Blitar regency, Indonesia. The type of data used in this research is from primary and secondary data. This research uses mix method; qualitative and quantitative methods. The qualitative methods are derived from in-depth interview and focus group discussion. Meanwhile the quantitative method employs a household survey. The sampling method for the qualitative method is quota sampling, while for quantitative method is stratified random sampling, with distant between the villages to the urban centre as stratification factor.

The findings of this research show that land ownership has a significant relationship with income and changing in land ownership has significant impact on the socio-economic aspects, socio-cultural and environmental degradation.

Three main factors that cause changes in land ownership are economic factors, socio-cultural factors and agency/administrative factors. While the factors that lead to inequality in the distribution of land ownership are the difference between rural society access to capital and technology, heritage factors and differences in the capability to farm. The strategies undertaken by the rural communities to retain their land ownership rights are to maintain the culture of shame to sell their land, improving infrastructure and development in agriculture and promoting rural agribusiness.

Access to land ownership can be acquired through inheritance, purchase, rent, profit sharing system of land, grants and from *tanah bengkok* (government land use rights given to staff working at the village office). Access to resource of credit obtained from family loans, neighbors and relations, credit unions and micro-credit (such as village credit institutions, Bank Rakyat Indonesia and rural banks).

The increasing number of landless farmers in the rural society forces them to cope with looking for additional income both in agricultural or non agricultural sector. However, this additional income gives a greater contribution to family income. Therefore, the additional income becomes main income in which can increase family income. Some of the coping strategies undertaken by rural society are: First, seeking additional income outside the agricultural sector that provides income immediately. Second, maximizing the involvement of family members in which, they obtain the additional income. Third, building a storage system of asset. Fourth, savings and well managed of house hold expenditures. Fifth, build a new social network and maintain the existing social networks.

BAB 1

PENGENALAN

1.1. Latar Belakang Kajian

Indonesia merupakan negara yang majoriti masyarakatnya bekerja di sektor pertanian. Sektor pertanian menyerap tenaga kerja sebanyak 41.82 peratus pada tahun 2008 (sila rujuk Jadual 1.1). Jadual 1.1 menunjukkan bahawa walaupun penyerapan tenaga kerja menurun daripada 55.87 peratus pada tahun 1990 kepada 41.82 peratus namun mata pencarian utama masyarakat adalah sektor pertanian. Oleh itu pemilikan tanah merupakan sumber yang penting dalam kehidupan masyarakatnya. Kini luas tanah per kapita penduduk cenderung menurun. Bilangan keluarga petani yang memiliki tanah kurang daripada 0.5 hektar pula semakin meningkat. Pada tahun 1995 seramai 10,804,000 keluarga petani memiliki tanah dan ia meningkat kepada 13,680,000 keluarga pada tahun 2005. Pada masa yang sama, jumlah penduduk Indonesia mengalami peningkatan yang tinggi (sila rujuk Jadual 1.2). Pertambahan jumlah penduduk ini turut menyebabkan penurunan luas tanah per kapita di Indonesia.

Jadual 1.1
Penyerapan Tenaga Kerja Mengikut Sektor Di Indonesia, (1990-2008)
(peratus)

Sektor	1990 (%)	1995 (%)	2000 (%)	2003 (%)	2008 (%)
Pertanian	55.87	43.98	45.28	46.26	41.82
Industri	10.14	12.64	12.96	12.04	12.26
Perlombongan	0.70	0.80	0.58	0.98	1.04
Lain	33.29	42.58	41.18	40.72	44.88
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Sumber: Biro Pusat Statistik, 2008

Jadual 1.2
Jumlah Penduduk Indonesia, 1971 – 2005

Tahun	Jumlah Penduduk (orang)	Perubahan	% Perubahan
1971	119,208,229	-	-
1980	147,490,298	28,282,069	23.7
1990	179,378,946	31,888,648	21.6
1995	194,754,808	15,375,862	8.6
2000	205,132,458	10,377,650	5.3
2005	218,868,791	13,736,333	6.7

Sumber : Biro Pusat Statistik, 2008

Kebebasan dalam pemilikan dan penguasaan tanah tanpa campur tangan daripada kerajaan memberikan banyak implikasi terhadap amalan pengumpulan pemilikan tanah tanpa batasan, monopoli penguasaan tanah oleh segelintir pihak sahaja dan ketidakadilan pengagihan pemilikan tanah (Bahari, 2005). Pengagihan pemilikan tanah dalam kalangan petani di Indonesia menunjukkan angka yang sangat tidak seimbang. Jumlah petani yang memiliki tanah kurang daripada 0.5 hektar adalah sebanyak 56.4 peratus dan jumlah keluarga petani yang memiliki tanah kurang daripada satu hektar sebanyak 74.8 peratus (sila rujuk Jadual 1.3). Perubahan pola pemilikan tanah ini memberi implikasi terhadap pelbagai permasalahan, seperti permasalahan sosio ekonomi, sosio budaya dan alam sekitar.

Jadual 1.3
Pengagihan Pemilikan Tanah Keluarga Petani, 2008

Luas (hektar)	Bilangan keluarga petani (%)	Bilangan keluarga petani (% kumulatif)
< 0.1	17.2	17.2
0.1 – 0.49	39.2	56.4
0.50 – 0.99	18.4	74.8
> 1.0	25.2	100
Jumlah	100.0	

Sumber: Biro Pusat Statistik, 2008

1.2. Sistem Pemilikan Tanah di Indonesia

Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1945, Indonesia telah mengalami tiga perubahan dasar pentadbiran, iaitu Dasar Orde Lama, Dasar Orde Baru dan Dasar Reformasi. Dasar Orde Lama bermula daripada 17 Ogos 1945 (awal era kemerdekaan Indonesia) hingga 1965 atau dengan kata lain zaman pemerintahan Sukarno. Dasar Orde Baru bermula pada tahun 1966 hingga 1997 atau dikenali dengan nama zaman pemerintahan Suharto. Sedangkan Dasar Reformasi bermula selepas pemerintahan Suharto tamat hingga kini. Sebelum ini, Indonesia pernah dijajah oleh Belanda selama 350 tahun. Tanah di Indonesia pada zaman sebelum penjajahan Belanda adalah dimiliki oleh individu dan kerajaan (Ricklefs, 2001). Di dalam kitab Negara Kertagama diceritakan tentang raja yang menyuruh rakyatnya untuk meneroka hutan, kemudian menjadikannya kawasan untuk tanaman padi. Rakyat yang mendapat hak untuk mengelola sawah tersebut harus membayar cukai kepada raja. Pada zaman Kerajaan Mataram, kawasan pertanian tidak hanya dimiliki oleh raja, bahkan juga oleh golongan rakyat biasa dan bangsawan. Golongan bangsawan berhak untuk mengelola kawasan pertanian yang diusahakan oleh rakyat biasa (Dennys, 1996). Setelah penjajah Belanda menguasai Indonesia, pemilikan tanah tersebut dikuasai Belanda dan akhirnya telah mendatangkan konflik serta mempengaruhi hubungan Belanda dengan golongan petani tempatan (Badrika, 2004).

Semasa Syarikat Belanda Timur India datang ke Indonesia pada abad ke 17, mereka telah memperkenalkan konsep perdagangan monopoli dengan cara paksaan. Kemudian mereka menerapkan sistem/dasar perhambaan dan merampas hak pajakan tanah daripada petani dengan cara memaksa petani

menyerahkan hasil pertanian atau membayar sejumlah wang kepada Syarikat Belanda Timur India. Setelah itu, pada abad ke 19 kerajaan kolonial Belanda mengambil alih kedudukan Syarikat Belanda Timur India di Indonesia dan selanjutnya secara perlahan memberikan hak kepada pengusaha swasta Belanda untuk melakukan eksploitasi di Indonesia; seperti yang diatur dalam *Dutch Agrarian and Sugar Laws, 1870*. Dalam Undang-Undang (perlembagaan) *Dutch Agrarian and Sugar* tahun 1870, pengusaha swasta (syarikat) Belanda diberikan akses untuk membolehkan mereka mengelola tanah pertanian dalam bentuk memiliki dan menguasai pemilikan tanah di Indonesia. Semenjak itu ramai petani menjual tanah kepada pengusaha swasta Belanda (tuan meneer) dan beralih kerja menjadi buruh upahan di bawah tuan tersebut.

Indonesia memperolehi kemerdekaan pada 17 Ogos 1945. Sejak itu, Indonesia dipimpin oleh presidennya yang pertama iaitu Sukarno. Zaman pemerintahan Sukarno sering disebut era “Orde Lama”. Presiden Sukarno berjaya mewujudkan keadilan dalam penguasaan tanah bagi seluruh rakyat Indonesia. Kejayaan tersebut diikuti dengan pengenalan dasar untuk menjalankan rombakan struktur penguasaan tanah, yang dikenali sebagai Undang-Undang Pokok Agraria (UUPA) 1960. Namun usaha tersebut terkandas di tengah jalan dan berhenti sebelum wujudnya keadilan dalam penguasaan tanah kerana pertukaran presiden. Walaupun demikian, rejim Sukarno dikatakan sebagai rejim yang autokratik di bawah label "Demokrasi Terpimpin". Sukarno menolak gagasan sosialisme kerakyatan yang berasaskan nilai-nilai fundamental: keadilan, kerakyatan, kemanusiaan, kesejahteraan, kebebasan dan berpihak kepada mereka yang ditindas oleh sistem kapitalisme (Fajrul, 2007). Pada awal 1960-an, Presiden Sukarno dianggap mempunyai

hubungan rapat dengan negara-negara komunis dan Partai Komunis Indonesia (PKI). Pada 30 September 1965, di Indonesia berlaku peristiwa perebutan kuasa (kudeta). Jeneral Suharto yang pada masa itu merupakan Panglima Komando Strategi Angkatan Darat menumpaskan kudeta tersebut dan menganggap PKI dalang di sebalik kudeta itu. Jeneral Suharto kemudiannya menggunakan situasi ini untuk mengambil alih pemerintahan kerajaan.

Setelah itu, rejim Orde Lama yang dipimpin Sukarno digantikan dengan Orde Baru yang dipimpin oleh Jeneral Suharto. Kemudian pada zaman kepemimpinan Presiden Suharto konsep dan program reformasi pertanahan tidak lagi dilaksanakan, kerana konsep dan reformasi pertanahan dianggap amalan ideologi komunis.

Polisi pemerintahan Suharto atau sering disebut “dasar baru” lebih mengutamakan tanah untuk kepentingan golongan pemodal besar (kapitalis), sedangkan semasa era Orde Lama, penekanan lebih diberikan kepada tanah untuk kepentingan rakyat. Sehubungan dengan itu, semasa era Orde Baru, bukan setakat berusaha menjalankan reformasi pertanahan, malah untuk membicarakannya pun telah menjadi perkara yang "haram" dan dianggap berbau kiri serta bersifat komunis. Kerajaan Orde Baru telah turut menghentikan praktik pengagihan tanah. Kerajaan ini justeru mengeluarkan pelbagai peraturan baru yang memberi kemudahan golongan pemodal besar untuk menguasai tanah dan menjalankan pelaburan.

Kerajaan berkenaan masih menggunakan Undang-Undang Pokok Agraria (UUPA) 1960. Namun amalan sebenar menunjukkan bahawa pengagihan dan penguasaan tanah sekarang ini bukannya jatuh ke tangan petani kecil dan yang tidak memiliki tanah, tetapi semakin banyak dikuasai oleh para

pengusaha besar dan golongan elit politik (Basri, 2002). Jumlah keluarga petani yang menguasai kawasan dengan keluasan kurang daripada satu hektar adalah sebanyak 74.8 peratus. Dalam kata lain majoriti keluarga petani hanya memiliki kawasan seluas kurang daripada satu hektar (sila rujuk Jadual 1.3). Kerajaan sama sekali tidak menghadkan pemilikan tanah yang dilakukan oleh para pemilik modal dan tuan tanah. Pendekatan kapitalis turut diamalkan di mana pemilik modal boleh membeli tanah dengan keluasan mengikut kemampuan mereka.

Orde reformasi bermula setelah tumbangannya pentadbiran Suharto pada tahun 1997. Sejak itu, orang ramai mula secara terbuka mengajukan tuntutan pelbagai perubahan. Salah satu tuntutan perubahan ialah perubahan dalam bidang pertanian. Persoalan utama yang perlu mereka bahaskan adalah Undang-Undang Pokok Agraria 1960 (UUPA 1960), iaitu sebuah perlembagaan yang pada mulanya ditujukan untuk mengawal sistem pemilikan, pengagihan dan penghapusan tanah yang terbiar yang biasanya dikuasai oleh para pemilik tanah. Perlembagaan (undang-undang) ini pula memberikan pengesahan terhadap sistem pemilikan komunal (bersama) dan individu, serta mendorong pelaksanaan pendaftaran tanah komunal yang semasa dasar/rejim Orde Baru telah kurang mendapat perhatian.

Pada tahun 2005, peluang terlaksananya agenda perubahan pertanian sebenarnya telah mula kelihatan semasa pentadbiran kerajaan Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) dan Muhammad Yusuf Kalla (MJK) sebagai hasil pilihan raya presiden pada tahun 2004. Peluang tersebut sudah mula kelihatan bahkan sebelum SBY-MJK terpilih sebagai Presiden dan Wakil Presiden RI pada

penggal 2004-2009, sudah jelas dicatat dalam naskah visi, misi, dan program SBY-MJK semasa kempen pengundian presiden (Pilpres) pada tahun 2004.

Namun hingga tahun 2006, status agenda perubahan pertanian yang telah dijanjikan oleh pentadbiran SBY-MJK, masih lagi tidak terlaksana. Selepas satu tahun tempoh pentadbiran SBY-MJK, belum ada istilah perubahan pertanian (reformasi agraria) dilaksanakan. Sehingga akhir 2006, belum kelihatan inisiatif yang bersungguh-sungguh oleh kerajaan untuk melaksanakan agenda perubahan pertanian, seperti janji-janji politik yang disembarkan semasa kempen pilihan raya.

Kajian tentang implikasi perubahan pola pemilikan tanah terhadap sosio-ekonomi, sosio-budaya dan alam sekitar sangat penting dilakukan. Hal ini mengingatkan bahawa mata pencarian utama masyarakat Indonesia adalah sektor pertanian. Oleh itu, jika setiap tahun bilangan keluarga petani yang tidak memiliki tanah naik 18 peratus (merujuk peningkatan bilangan keluarga miskin pada tahun 1995 hingga 2005), maka pada tahun 2010 bilangan keluarga petani yang memiliki tanah kurang dari pada 0.5 hektar adalah sebanyak 79.4 peratus. Hal ini boleh menjejaskan sosio ekonomi masyarakat khususnya masyarakat petani. Lebih jauh lagi, keadaan sosio budaya, alam sekitar dan keadaan ekonomi negara akan turut terjejas.

Penyelidikan ini bukan hanya mengkaji masalah implikasi perubahan pola pemilikan tanah terhadap sosio ekonomi, sosio budaya dan alam sekitar. Lebih dalam lagi, penyelidikan ini juga mengkaji strategi pencarian nafkah atau usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat yang tidak memiliki tanah untuk mencari pendapatan. Oleh itu, hasil penemuan penyelidikan ini sangat diperlukan oleh banyak pihak, bukan hanya daripada kalangan akademik

sahaja. Hasil penyelidikan ini juga berguna untuk negara-negara sedang membangun yang umumnya juga mempunyai masalah jurang dalam pemilikan tanah dan penurunan tahap pemilikan tanah.

1.3. Kepentingan Tanah Dalam Sektor Pertanian

Ada empat aspek yang menjadi prasyarat dalam melaksanakan pembangunan pertanian: (1) akses terhadap pemilikan tanah; (2) akses input dan proses pengeluaran; dan (3) akses pasaran. Daripada keempat-empat prasyarat ini, prasyarat yang belum dilaksanakan secara konsisten di Indonesia ialah akses kepada petani dalam pemilikan tanah (Zulfadhli, 2006).

Sedangkan apabila kita merujuk kisah kejayaan pembangunan pertanian di Jepun, Thailand, China dan Vietnam, semuanya bermula daripada rombakan dan penstrukturan semula struktur pemilikan dan penguasaan tanah. Catatan panjang sejarah Indonesia menunjukkan bahawa secara umum keadaan masyarakat luar bandar serba kekurangan dan terpinggir (Zulfadhli, 2006). Masyarakat luar bandar sering digambarkan sebagai kelompok sosial yang lemah secara politik mahupun ekonomi dan tidak memiliki tanah yang cukup untuk memenuhi keperluan hidup keluarganya. Sebagai petani yang tidak memiliki tanah, mereka tidak memiliki kuasa perundingan dengan pemilik tanah. Sebagai contoh, petani kecil terpaksa menyewa tanah dengan pembahagian hasil yang tidak seimbang. Manakala pemilik tanah memiliki bahagian hasil yang lebih besar berbanding dengan penyewa.

Secara umum, konflik yang berlaku dan melibatkan masyarakat luar bandar ini boleh dibahagikan kepada dua masalah utama, iaitu berkaitan dengan pemberian ganti rugi yang tidak memadai dan tidak adanya perlindungan hak-hak dalam pemilikan tanah. Rakyat yang secara fakta (*de*

facto) dan hukum (*de jure*) menguasai tanah, dalam banyak perkara selalunya harus menerima keputusan yang berat sebelah. Dalam banyak kes pembebasan tanah, kerajaan kurang berpihak kepada kepentingan rakyat. Sebagai contoh, konflik pemilikan tanah yang terjadi di Kampung Kalibakar, Malang Selatan pada tahun 2002. Kerajaan, polis serta Majlis Ulama Indonesia pada mulanya berpihak kepada pemilik-pemilik kebun. Beberapa tokoh masyarakat yang memperjuangkan hak-hak pemilikan tanah masyarakat luar bandar telah ditangkap oleh pihak polis untuk disiasat.

Konflik yang terjadi bukan disebabkan rakyat menolak pembangunan, kepentingan perniagaan atau pelaburan, tetapi kerana prosedur undang-undang yang tidak dipatuhi. Misalnya penetapan ganti rugi pembebasan tanah dilakukan oleh satu pihak tanpa proses musyawarah dengan pemilik tanah, dan ganti rugi yang diberikan tidak memadai. Akibatnya timbul prasangka buruk tentang 'konspirasi' atau persekongkolan antara pemilik modal dan agensi kerajaan. Dalam masa yang sama, harga tanah terus meningkat. Keadaan ini semakin teruk apabila ramai orang kaya tempatan dan dari luar yang sengaja membeli tanah untuk dijual pada masa akan datang dengan maksud mencari keuntungan.


1.4. Arah Perubahan Pola Pemilikan Tanah di Indonesia

Pemilikan tanah dalam kalangan keluarga petani menunjukkan kecenderungan semakin menurun. Selain itu, pengagihan tanah di Indonesia sememangnya menimbulkan banyak persoalan yang perlu mendapat perhatian serius. Huraian lebih lanjut adalah seperti berikut:

1.4.1 Luas Tanah Perkapita Menurun

Bilangan keluarga petani kecil atau yang memiliki tanah kurang daripada 0.5 hektar, meningkat dalam 10 tahun terakhir. Selama 10 tahun, sejak 1995 hingga 2005 bilangan keluarga petani yang memiliki tanah kurang daripada 0.5 hektar meningkat sebanyak 2,876,000 buah keluarga (sila rujuk Rajah 1.1)

Rajah 1.1
Jumlah Keluarga Petani Yang Memiliki Tanah Kurang
Daripada 0.5 Hektar (1995, 2005, 2008)



Sumber: Departemen Pertanian, 2008

Keluasan tanah perkapita yang menurun menjadi semakin kritikal jika dilihat dari aspek sosio-budaya. Majoriti penduduk Indonesia, iaitu lebih kurang 85 peratus adalah beragama Islam (Biro Pusat Statistik, 2008). Masyarakat Islam Indonesia umumnya mengaplikasikan hukum *faraid* untuk melaksanakan pengagihan tanah warisan (pusaka). Sebidang tanah dengan keluasan tertentu kemudian diagihkan kepada anggota keluarga seperti anak, cucu serta keluarga yang berhak menerimanya. Amalan hukum *faraid* menyebabkan tahap

pemilikan tanah yang dimiliki oleh setiap keluarga menurun. Faktor lain yang menyebabkan penurunan kepemilikan tanah ialah akibat transaksi penjualan tanah yang berterusan. Masyarakat luar bandar terpaksa menjual tanahnya kepada golongan yang berkemampuan kerana tekanan keperluan kehidupan seharian.

1.4.2. Pengagihan Pemilikan Tanah yang Tidak Seimbang

Bancian pertanian pada tahun 2003 mendapati bahawa di Jawa terdapat 13,659,440 orang petani yang tidak memiliki tanah. Ertinya mereka hanya menjadi buruh tani dan hanya mengharapkan imbuhan daripada pemilik tanah (Biro Pusat Statistik, 2005). Akan tetapi petani hanya dapat memenuhi keperluan hidupnya jika memiliki tanah minimum seluas 2 hektar. Berdasarkan hasil kajian melalui Survei Sosial Ekonomi Nasional 2001 (Biro Pusat Statistik, 2002), kadar kesejahteraan petani yang memiliki tanah seluas 0.5 hektar pada umumnya masih rendah, iaitu kurang daripada Rp 500,000 sebulan. Namun, berdasarkan penelitian yang dilakukan (Rafita, 2005) terhadap pertanian buah limau mendapati bahawa pendapatan petani buah limau dengan keluasan tanah 0.5 hektar hanya memberikan sumbangan sebanyak 67.87 peratus kepada keperluan hidupnya. Sedangkan baki keperluannya sebanyak 32.13 peratus harus dipenuhi melalui pekerjaan yang lain.

Ketidakseimbangan pengagihan pemilikan tanah telah ditunjukkan melalui banyaknya kes-kes yang berkaitan dengan Hak Penguasaan Hutan (HPH) atau Hutan Tanaman Industri (HTI) dan pengelolaan perkebunan, sama ada yang dikuasai oleh syarikat swasta

ataupun syarikat milik kerajaan seperti Perhutani. Sebagai contoh, pada tahun 1995, terdapat 20 syarikat besar yang menguasai HPH dengan keluasan sebanyak 33,198,963 hektar. Apabila ditambah dengan syarikat lain, maka luas tanah yang dikuasai oleh syarikat swasta lebih kurang 64,291,436 hektar (Pusat Data Bisnis Indonesia, 2000). Syarikat tersebut yang mendapat lesen daripada kerajaan menguasai sepenuhnya faedah aset pengeluaran yang berupa tanah dan hutan. Seterusnya, petani-petani yang berada di sekitar hutan tersebut diambil bekerja sebagai buruh. Petani hanya menjadi pekerja upahan daripada aset yang ada di sekitar mereka. Bahkan, seringkali aset tersebut adalah milik bersama petani terdahulu, sehingga sering menimbulkan konflik perebutan pemilikan tanah yang berpanjangan.

1.5. Perubahan Pola Pemilikan Tanah

Perubahan pola pemilikan tanah ini memperlihatkan penurunan luas pemilikan tanah dan ketidaksamarataan agihan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat luar bandar. Perubahan ini memberi implikasi terhadap pelbagai aspek seperti berikut:

1.5.1. Perubahan Pola Pemilikan Tanah dan Kesannya Terhadap Sosio-ekonomi

Keluasan tanah perkapita yang menurun dan pengagihan pemilikan tanah yang tidak seimbang telah memberi kesan terhadap masyarakat petani dari segi pendapatan, pengangguran dan kemiskinan (sila rujuk Jadual 1.4). Hal ini disebabkan tanah merupakan sumber pendapatan utama bagi petani.

Jadual 1.4
Bilangan Penduduk Miskin, Kadar Pengangguran dan Pendapatan Perkapita di Indonesia 2002 – 2008

Tahun	Bilangan penduduk miskin	Kadar pengangguran	Pendapatan Per kapita	Kadar Inflasi
2002	36.1 juta orang	9.06 %	Rp 8.8 juta	6.04%
2003	37.3 juta orang	9.50 %	Rp 9.6 juta	5.06%
2004	38.4 juta orang	9.86%	Rp 10.6 juta	10.03%
2007	37.2 juta orang	7.87%	Rp 15.4 juta	6.59%

Sumber: Biro Pusat Statistik, 2008

Pemilikan tanah juga menentukan akses petani untuk memperolehi sumber ekonomi, misalnya dari segi kredit dan teknologi. Petani yang memiliki tanah yang luas akan lebih cepat menyerap teknologi baru serta memiliki akses yang lebih besar untuk memperolehi kredit dan input-input lain kerana setiap kredit memerlukan cagaran (khasnya daripada institusi kewangan formal, misalnya bank). Mereka juga lebih mampu untuk menurunkan kos pengeluaran dari segi sumber manusia kerana penggunaan jentera pertanian seperti traktor boleh mengurangkan jumlah tenaga kerja (Hüsken dan White, 1989).

Pendapatan keluarga petani yang memiliki luas tanah kurang daripada 0.5 hektar masih sangat rendah, iaitu di bawah 500,000 rupiah sebulan (Biro Pusat Statistik, 2005). Tambahan pula, majoriti petani di Indonesia merupakan petani yang memiliki tanah kurang daripada 0.5 hektar. Oleh itu, puluhan juta rakyat Indonesia dianggap masih hidup di bawah garis kemiskinan, dan sebahagiannya menganggur serta tidak memperoleh sebarang pendapatan. Oleh itu, ramai dalam kalangan mereka terutama penduduk luar bandar cenderung untuk memilih menjadi

buruh di bandar daripada menjadi buruh tani yang tidak tetap pendapatannya (sila rujuk Jadual 1.5).

Jadual 1.5
Bilangan Tenaga Kerja di Bandar dan Luar Bandar di Indonesia
2000 – 2008

Tahun	Bilangan tenaga kerja di bandar (orang)	Bilangan tenaga kerja di luar bandar (orang)	Jumlah (orang)
2000	34,120,866	55,716,864	89,837,730
2001	36,098,804	54,708,613	90,807,417
2002	37,091,253	54,555,913	91,647,166
2003	37,258,506	55,713,745	92,810,791
2005	42,079,896	61,893,491	103,973,387
2008	42,985,496	65,145,562	108,131,058

Sumber: Biro Pusat Statistik Kabupaten Blitar, 2008

Pada akhir-akhir ini, ramai tenaga kerja luar bandar yang memilih bekerja di luar Indonesia sebagai Tenaga Kerja Indonesia (TKI). Secara umumnya mereka menjadi tenaga kerja di Malaysia, Singapura, Korea, Hong kong, Taiwan dan Arab Saudi (sila rujuk Jadual 1.6)

Jadual 1.6
Bilangan Tenaga Kerja Indonesia yang Bekerja di Luar Negara, 2008

Bil	Negara	Jantina		Jumlah (orang)
		Lelaki	Perempuan	
Asia Pasifik, Eropah dan US				
1	Malaysia	126,706	75,181	201,887
2	Singapura	-	25,087	25,087
3	Brunei	2,412	2,566	4,978
4	Hong Kong	2	12,141	12,143
5	Korea	4,020	486	4,506
6	Jepun/Eropah/ US	102	12	114
7	Taiwan	4,050	44,526	48,576
Timur Tengah				
8	Arab Saudi	11,367	138,868	150,235
9	Kuwait	25	16,817	16,842
10	UEA	101	5,521	5,622
11	Bahrain	5	16	21
12	Qatar	154	848	2,081
13	Jordan	-	2,081	2,081
14	Tunisia dan lain-lain	321	895	1,216
	Jumlah	149,265	325,045	474,310

Sumber: BNP2TKI, 2008

Jumlah penduduk Indonesia yang menganggur adalah dianggarkan seramai 11 juta orang (Jabatan Tenaga Kerja dan Transmigrasi, 2008). Bancian tersebut berdasarkan data daripada Jabatan Tenaga Kerja dan Transmigrasi. Majoriti penduduk yang tidak mempunyai pendapatan tetap pula bekerja di sektor pertanian (sila rujuk Jadual 1.7). Pada tahun 2000, sebanyak 72.3 peratus daripada jumlah penduduk yang tidak mempunyai pendapatan tetap bekerja di sektor pertanian dan peratusan ini menurun pada tahun 2001 kepada 68.5 peratus. Namun, pada tahun 2002 dan 2003 angka peratusan tersebut meningkat. Oleh itu, sektor pertanian memiliki jumlah pengangguran yang paling besar di Indonesia.

Jadual 1.7
Jumlah Penduduk Yang Tidak Mempunyai Pendapatan Tetap
Mengikut Sektor Pekerjaan, (2000-2008) Dalam Peratus

Sektor	2000 (%)	2003 (%)	2005 (%)	2008 (%)
Pertanian	72.3	68.5	76.2	77.5
Perlombongan	0.7	0.8	0.58	0.98
Industri	10.14	12.64	12.96	12.04
Perkhidmatan	22.29	29.58	24.18	24.72

Sumber: Kementerian Tenaga Kerja dan Transmigrasi, 2008

1.5.2. Perubahan Pola Pemilikan Tanah dan Kesannya Terhadap Sosio-Budaya

Selain mempunyai nilai sosio ekonomi yang tinggi, pemilikan tanah bagi masyarakat luar bandar juga mempunyai nilai sosio budaya yang tidak boleh diabaikan. Tanah merupakan simbol status bagi seseorang individu atau sebuah keluarga. Dengan memiliki tanah yang luas, mereka menjadi orang terhormat dan dipandang tinggi di kampungnya. Selain merupakan dasar utama untuk kesejahteraan, pemilikan tanah yang luas merupakan kekuatan politik di wilayah luar bandar. Dalam konteks masyarakat kampung, suara pemilik tanah lebih mendapat perhatian di dalam sesuatu mesyuarat. Sehingga secara tidak langsung para pemilik tanah turut menentukan dasar di kampung mereka. Selain itu, keluarga pemilik tanah yang kaya di kampung mempunyai gaya hidup yang berbeza. Mereka boleh hidup lebih mewah kerana mempunyai pendapatan yang lebih tinggi. Keluarga kaya di kampung biasanya memiliki rumah yang besar, kereta yang mahal dan halaman rumah yang luas. Hal ini semata-mata untuk menunjukkan status sosio-ekonomi mereka. Oleh itu, masyarakat yang tidak memiliki tanah secara tidak langsung akan dipinggirkan.

1.5.3. Perubahan Pola Pemilikan Tanah dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar

Sejak zaman reformasi, kemusnahan hutan di Indonesia semakin kritikal. Hingga kini, luas hutan di Indonesia berkurangan sebanyak 72 peratus berbanding dengan keadaan pada tahun 1960 (Institute Arus Studi Informasi, 2008). Kemusnahan hutan semakin meningkat pada tempoh 1985 hingga 1997, iaitu sebanyak 1.6 juta hektar setahun, sedangkan pada tempoh 1997 hingga 2000 kemusnahan dianggarkan 3.8 juta hektar setahun (Departemen Kehutanan, 2001).

Ketiadaan tanah yang dimiliki oleh sejumlah besar masyarakat telah mendorong mereka membuka sebahagian kawasan hutan untuk bercucuk tanam. Hutan tersebut mulanya dijadikan kawasan terbuka dan beralih fungsi menjadi ladang sayur. Keadaan seperti ini banyak ditemui di kawasan Kabupaten Blitar selatan iaitu 25 peratus daripada kawasan hutan dijadikan kawasan tanaman jagung dan ubi. Mereka banyak bergantung kepada hutan untuk memenuhi keperluan hidup harian keluarga mereka.

Kerosakan hutan ini juga disebabkan oleh dasar kerajaan yang memberikan Hak Penguasaan Hutan (HPH) kepada segelintir pihak yang rapat dengan pihak penguasa. Pihak-pihak tersebut hanya mengeksploitasi hutan tanpa menghiraukan kelestariannya (Tjahyono, 2007). Hal ini memberikan implikasi negatif kepada masyarakat yang tinggal berhampiran dengan hutan di mana mereka sering dituduh mencuri hasil kayu-kayuan di hutan tersebut. Masyarakat berkenaan kemudiannya dilarang masuk ke hutan, sedangkan sejak dari dahulu lagi mereka telah bergantung kepada hutan untuk memenuhi keperluan hidup.

1.6. Permasalahan Kajian

Seperti yang telah diuraikan sebelumnya, mata pencarian utama masyarakat luar bandar di Indonesia adalah daripada sektor pertanian. Pemilikan tanah adalah penting kerana sebagai sumber pendapatan utama dan dasar kesejahteraan mereka. Penurunan tahap pemilikan tanah dan pengagihan pemilikan tanah yang tidak sama rata boleh menjejaskan kepada masalah sosio-ekonomi (Danenberg, & Kuemmerle, 2010). Hasil kajian Liu et.al (2010) di Provinsi Jiangsu China menunjukkan bahawa penurunan tahap pemilikan tanah mempunyai hubungan negatif dengan pendapatan untuk setiap petani.

Isu-isu penurunan tahap pemilikan tanah, kemiskinan, pembangunan di kawasan luar bandar, mata pencarian yang berterusan, kesetaraan dan keadilan sosial hingga kini telah menjadi perbincangan utama dalam pembangunan (Behera, 2006). Pengalaman dan kajian pembangunan luar bandar di negara membangun menunjukkan bahawa masalah pemilikan tanah merupakan salah satu halangan dalam pelaksanaan program pembangunan luar bandar (Bista, 1999). Lebih daripada itu, penurunan tahap pemilikan tanah dan kemiskinan telah menyebabkan masyarakat luar bandar di Nusa Tenggara Timur Indonesia melakukan aktiviti pembakaran dan merosak hutan untuk dijadikan kawasan pertanian (Smith et.al, 2006).

Penurunan tahap pemilikan tanah dan kemiskinan merupakan faktor kompleks yang turut bertanggung jawab atas degradasi ekologi. Interaksi antara kemiskinan dan degradasi ekologi adalah menunjukkan korelasi yang positif (UNDP, 1999). Sebuah masa depan yang makmur bagi masyarakat bergantung pada penyelesaian masalah dan komitmen daripada kerajaan serta masyarakat awam untuk memastikan bahawa semua orang mempunyai keadilan dalam

penguasaan sumber semulajadi (Behera, 2006). Indonesia memiliki penduduk seramai lebih kurang 240 juta orang. Sebanyak 41.8 peratus daripada penduduk tersebut mempunyai mata pencarian daripada sektor pertanian (Biro Pusat Statistik, 2008). Namun sebahagian daripada mereka tidak mempunyai penguasaan sumber tanah. Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan meningkatnya kadar kemiskinan dan pengangguran.

Sebagaimana kita ketahui, tujuan utama pembangunan adalah untuk mencapai kehidupan manusia yang lebih baik, iaitu persekitaran yang baik, mempunyai banyak pilihan mata pencarian, kaya sumber semulajadi dan peningkatan pengetahuan dan kemampuan yang boleh dipindahkan kepada generasi berikutnya (Rajbhandari, 2006). Model pembangunan ekonomi konvensional lebih mementingkan tujuan pertumbuhan ekonomi untuk menyediakan lapangan kerja berbanding keadilan, ketidaksetaraan ekonomi dan kelestarian alam sekitar. Untuk meneruskan pertumbuhan ini mesti ada pasaran baru di luar atau dalam beberapa dekad terakhir dikenali dengan istilah globalisasi ekonomi atau ekonomi pasaran terbuka. Tetapi globalisasi ternyata lebih banyak menggunakan sumber semulajadi berbanding memperbaharui atau menghasilkan sumber semulajadi. Globalisasi juga telah memusnahkan asas sumber semulajadi, struktur sosial dan ramai pakar yang mengatakan bahawa di masa hadapan ekonomi global tidak memiliki kesinambungan (Korten, 1996). Kemiskinan dan ketidaksetaraan terus meningkat secara berterusan, kehidupan sosial keluarga dan masyarakat semakin menurun pula.

Pada akhir 1960-an diperkenalkan konsep pembangunan pertanian “Revolusi Hijau”. Konsep ini memperkenalkan sistem pertanian baru iaitu sistem pertanian intensif menggunakan kimia. Tetapi, secara realitinya, petani

kecil dan petani yang tidak memiliki tanah tidak memperoleh manfaat daripada Revolusi Hijau. Pencemaran alam sekitar, kerusakan struktur tanah dan hilangnya biodiversiti alam yang disebabkan oleh sistem pertanian intensif menggunakan kimia memberikan cabaran-cabaran baru dan ancaman serius terhadap kelangsungan hidup petani kecil. Revolusi Hijau hanya menguntungkan petani kaya dan syarikat transnasional. Hal ini kerana mereka mampu mengakses dan membeli input pertanian baru berbanding petani kecil. Sedangkan bagi petani kecil masih bergantung kepada sistem pertanian organik (Zia dan Gadi, 2001).

Revolusi Hijau telah menyebabkan perubahan keseimbangan pemilikan tanah antara petani kecil dengan petani kaya. Pemilikan tanah oleh petani kecil mengalami penurunan secara berterusan. Bilangan petani kecil semakin meningkat. Masalah ketidaksamarataan pemilikan tanah memberi implikasi besar kepada petani. Bagi Kabupaten Blitar, untuk menangani masalah ini, faktor-faktor yang menyebabkan perubahan pola pemilikan tanah masih belum lagi difahami secara mendalam, begitu juga dengan implikasi pengagihan pemilikan tanah yang tidak merata. Dalam menghadapi masalah ini, satu persoalan yang penting seperti usaha-usaha oleh masyarakat tempatan untuk menangani masalah kekurangan tanah juga masih belum difahami. Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk memahami faktor, implikasi dan kaedah-kaedah yang dilakukan oleh masyarakat tempatan untuk menangani masalah kekurangan sumber tanah, sedangkan mereka terlibat dalam sektor pertanian yang memerlukan tanah sebagai sumber utama kehidupan

1.7. Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang telah dibincangkan maka objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya perubahan pola pemilikan tanah.
2. Menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan ketidaksamarataan agihan pemilikan tanah.
3. Menganalisis kesan pengagihan pemilikan tanah terhadap sosio ekonomi, sosio budaya dan alam sekitar.
4. Mengkaji usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat luar bandar dalam menangani masalah kekurangan tanah.

1.8. Persoalan Kajian

Merujuk kepada objektif kajian diatas, maka dapat dikemukakan beberapa persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya perubahan pola pemilikan tanah?
2. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan ketidaksamarataan agihan pemilikan tanah?
3. Apakah implikasi pengagihan pemilikan tanah sekarang ini terhadap sosio ekonomi, sosio budaya dan alam sekitar?
4. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat luar bandar dalam menangani masalah kekurangan sumber tanah?

1.9. Organisasi Tesis

Tesis ini terdiri daripada sembilan bab. Bab dua adalah tentang Sorotan Karya, yang membincangkan mengenai konsep tanah dan pembangunan serta kajian lepas yang berkaitan dengan masalah tanah dan pembangunan di kawasan luar bandar. Bab tiga, menjelaskan tentang gambaran umum daerah penyelidikan, sistem pertanahan di Indonesia, polisi pertanahan di Indonesia dan Kabupaten Blitar, sistem pemilikan tanah serta perubahan yang terjadi terhadap pertanahan di Kabupaten Blitar. Bab empat menjelaskan kaedah penyelidikan termasuk jenis data, reka bentuk penyelidikan, kaedah pengumpulan data, sumber data, pemprosesan dan analisis data. Bab lima, membincangkan hasil penyelidikan dan analisis data. Bab enam merupakan perbincangan dan analisis mengenai implikasi perubahan pola pemilikan tanah terhadap sosio ekonomi, sosio budaya dan alam sekitar. Bab tujuh membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan perubahan pola pemilikan tanah. Bab lapan adalah perbincangan dan analisis strategi pencarian nafkah masyarakat luar bandar. Dan terakhir bab sembilan adalah kesimpulan dan cadangan mengatasi masalah kajian.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1. Pengenalan

Pengalaman semasa tahun 1950 hingga 1960 menunjukkan bahawa banyak negara sedang membangun mengalami pertumbuhan ekonomi yang tinggi tetapi gagal memperbaiki taraf hidup masyarakatnya. Hal ini menandakan bahawa ada sesuatu yang silap dalam konsep pembangunan yang diamalkan pada masa itu (Todaro, 1997). Oleh itu, kita perlu memahami perspektif dan ukuran pembangunan yang digunakan. Secara umum, sebelum tahun 1970, pembangunan difahami sebagai pembangunan sosio-ekonomi sahaja. Kemajuan pembangunan di suatu negara hanya meliputi ukuran lazim seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), pendapatan, pengangguran, inflasi dan pertumbuhan ekonomi.

Sejak tahun 1970, konsep pembangunan mengalami perubahan definisi (Richard, & Brinkman, 1995). Tujuan utama pembangunan bukan hanya pertumbuhan ekonomi, tetapi juga pengurangan jurang pendapatan, membasmi kemiskinan dan meningkatkan peluang untuk bekerja. Pembangunan boleh dibahagi kepada tiga konsep, iaitu: fizikal, sosio-ekonomi dan sosio-budaya. Pembangunan fizikal termasuk pembangunan prasarana, bangunan, sistem jalan raya dan perhubungan, sistem perkumbahan, bekalan elektrik, air dan komunikasi. Pembangunan sosio-ekonomi pula lebih kepada aspek perdagangan dan pelaburan domestik dan antarabangsa, perindustrian, pertanian, perkhidmatan dan sumber tenaga manusia. Pembangunan sosio-

budaya pula lebih kepada pengekalan warisan budaya, identiti, kebebasan dan hak, agama, harmoni, harga diri, moral, etika dan intelektual.

Di negara sedang membangun seperti Indonesia, konsep “pembangunan” menjadi salah satu pendekatan perubahan sosial yang paling luas dan terpenting digunakan oleh banyak pihak. Hal ini terutama berkaitan dengan usaha berterusan yang dilakukan untuk membebaskan masyarakat dari belenggu kemunduran sosio-ekonomi dan sosio-budaya. Oleh itu, pembangunan difahami sebagai proses perubahan sosio-ekonomi dan sosio-budaya yang secara sengaja dan dirancang untuk mengubah masyarakat menjadi maju. Perubahan tersebut diperlukan masyarakat untuk bergerak dari kemunduran kepada kemajuan.

Proses pembangunan seringkali disamakan dengan proses modernisasi dengan mengambil pola nilai budaya barat (Peet & Harwick, 1999). Proses pembangunan seperti ini sering membawa implikasi yang sangat luas terhadap sosio ekonomi dan sosio budaya dan politik di negara sedang membangun. Implikasi ini datang kerana pembangunan yang dilaksanakan mengambil atau meniru secara menyeluruh gaya hidup, perlembagaan, sosio ekonomi, pemerintahan, undang-undang, pengeluaran serta pengagihan ekonomi barat tanpa mengambilkira atau memperhatikan kesesuaian sosio budaya tempatan. Kritik utama modernisasi adalah ianya sering menyebabkan ketegangan dan krisis, contohnya dari segi identiti, legitimasi dan sebagainya, terutama sekali di negara sedang membangun. Ini kerana tidak semua masyarakat mengalami evolusi dan pembangunan tidak semestinya unilinear. Tambahan pula, dunia tidak boleh dibahagi secara mutlak dan mudah. Konsep ini juga menyebelahi barat dan kapitalis dan dari segi kuasa selalu disalahgunakan untuk

menguntungkan sesetengah pihak sahaja, selalunya dalam kalangan pemerintah elit.

Sejak memasuki era pemerintahan Orde Baru, Kapitalisme di Indonesia mulai kelihatan. Dasar Orde Baru lebih berpihak kepada barat (Tambunan, 1998). Isu-isu ekonomi politik banyak dibawa ke arah liberalisasi ekonomi, baik liberalisasi sektor kewangan, sektor industri mahupun sektor perniagaan. Program perancangan pembangunan pada masa Orde Baru dikenali dengan istilah Rencana Pembangunan Lima Tahun (REPELITA) bertujuan untuk menjadikan Indonesia menjadi negara industri dengan berbasis kepada pertanian. Repelita I (1969–1974) bertujuan memenuhi keperluan asas dan infrastruktur dengan penekanan pada bidang pertanian. Repelita II (1974–1979) bertujuan meningkatkan pembangunan di pulau-pulau selain Jawa, Bali dan Madura dan mengenalkan program transmigrasi. Repelita III (1979–1984) menekankan bidang industri intensif tenaga kerja untuk meningkatkan ekspor. Repelita IV (1984–1989) bertujuan menciptakan lapangan kerja baru dan industri. Repelita V (1989–1994) menekankan bidang transportasi, komunikasi dan pendidikan. Repelita (1994–1999) menekankan pembangunan pada bidang ekonomi yang berkait dengan pertanian dan industri. Selepas rejim Orde Baru jatuh, perancangan pembangunan Orde Baru repelita diganti dengan Program Perencanaan Pembangunan (PROPENAS). Perbezaan perancangan pembangunan Repelita dengan Propenas adalah perancangan propenas lebih bersifat dari bawah ke atas (*bottom up*) sedangkan repelita lebih bersifat dari atas ke bawah.

Dasar pembangunan Orde Baru yang dipimpin oleh Jeneral Suharto mengutamakan tercapainya pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik melalui struktur pemerintahan yang majoriti dipegang oleh tentera dengan